

26 JUN 1997

## ALAM TEKNOKRAT NAK TAWAR BERITA DALAM TALIAN DARIPADA BERNAMA

Oleh: Salbiah Said

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Alam Teknokrat Sdn Bhd (Altek) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, Bernama, hari ini menandatangani satu perjanjian Perkhidmatan Berita Internet yang akan membolehkan pengguna Internet mendapatkan berita dan perkembangan mutakhir.

Di bawah perjanjian itu, Bernama akan mengadakan kepada Altek berita dan perkembangan/ringkasan mutakhir dalam talian untuk bahagian tajuk berita Altek yang dikenali sebagai Skali.

Skali adalah tapak web kandungan Asia yang dikendalikan oleh Altek yang juga merupakan perkhidmatan tapak webnya yang pertama, AltaVista Asia-Wide Mirror Site.

Altek adalah pemilik dan pengendali AltaVista Asia-Wide Mirror Site, yang merupakan tapak seumpama itu yang ketiga di dunia selepas Sweden dan Australia. Telefonica dari Madrid, Sepanyol dan AltaVista akan melancarkan tapak serupa bagi Iberia dan Amerika Latin esok.

AltaVista Asia-Wide Mirror Site milik Altek dilancarkan secara rasmi hari ini oleh menteri pembangunan usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

Pada upacara penandatanganan perjanjian, Altek diwakili oleh ketua pegawai eksekutifnya Mohd Hisham Isa manakala Bernama oleh pengurus besar, Mohd Raus Borhan.

Berucap pada majlis perasmian itu, Hisham berkata pengenalan tapak itu bertepatan masa memandangkan pertumbuhan penggunaan Internet di rantau ini diramalkan berkembang kepada kira-kira 21 juta pada tahun 2001.

"Penubuhan tapak cermin Asia menandakan komitmen kami untuk mempermudah dan membangunkan pertumbuhan dan penggunaan Internet di Asia", katanya.

Perniagaan terasnya, media Internet dan perkhidmatan perusahaan bertalian telah menerima sambutan menggalakkan dari sekitar dunia semasa tempoh ujian Beta selama sebulan, tambahnya.

Mengenai perkongsiannya dengan Bernama yang akan diperbadankan tidak lama lagi, beliau berkata ia adalah satu langkah besar ke arah meletakkan kandungan Asia di hadapan perkampungan sejagat, dan perkongsian yang dipukuk itu juga merupakan satu permulaan bagi banyak lagi peluang untuk Alam Teknokrat kerana ia membuka pintu kepada peluang lain.

Ketua pegawai eksekutif Digital Equipment Sdn Bhd, Graeme Shorter berkata bahawa keputusan bertepatan masa itu adalah sejajar dengan pertumbuhan pesat industri teknologi maklumat di rantau ini dan selari dengan daya usaha Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perisian Internet AltaVista dengan sendirinya merupakan satu unit perniagaan di dalam Digital dan enjin mencari AltaVista dan teknologi berkaitan dimajukan oleh Digital Equipment Corporation di makmal penyelidikan di Palo Alto, California, tambahnya.

Altek, sebuah syarikat milik penuh Bumiputera, memulakan operasi dalam Januari 1997, dan sebagai penganjur kandungan Internet seluruh Asia, ia menawarkan kelebihan teknologi bagi produk dan perkhidmatan berpusat.

Altek boleh didapati dalam Internet pada <http://www.altek.com.my> manakala AltaVista Asia-Wide Mirror Site pada <http://altavista.skali.com.my>.

Altek beroperasi di pusat inkubasi Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia-Universiti Putra Malaysia (UPM-MTDC), dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia

Bahagian tajuk berita Skali memulakan fasa ujian Beta selama sebulannya bulan lepas. Buat permulaan ringkasan berita yang diberikan oleh Bernama akan termasuk bukan sahaja berita tempatan dan serantau dan mengemas kini tetapi juga dari seluruh dunia. Bagaimanapun, bahan berita Asia akan dijadikan keutamaan tidak lama lagi dan menjadi tumpuan utama Skali.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Hisham berkata apabila beroperasi sepenuhnya pertengahan bulan depan, tapak itu dijangka menarik 150,000 kunjungan sehari daripada 70,000 sekarang dari rantau Asia sahaja, dan ini dijangka meningkat kepada satu juta sehari dalam masa dua hingga tiga bulan lagi.

Beberapa perkongsian dengan pihak lain sedang dirancangkan untuk mempertingkatkan lagi ketampakan tapak web itu, tambahnya.

Mohd Raus pula berkata bahawa Bernama akan mengadakan ringkasan berita mengenai perniagaan, ekonomi, sukan dan politik kepada Skali. -- BERNAMA

SS SIA